

08 SEP 1996

RAZALEIGH MEMPUNYAI TEMPAT DALAM UMNO, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai tempat dalam UMNO, seperti juga anggota lain dalam parti.

Dr Mahathir yang juga Presiden parti berkata UMNO tidak pernah kata bahawa Razaleigh merupakan ancaman kepada sesiapa dalam UMNO dan anggota UMNO boleh memilih beliau untuk jawatan dalam UMNO jika berhasrat berbuat demikian.

"Kita tidak pernah berkata dia merupakan ancaman dan sebab itulah kita sedia menerima dia," kata beliau kepada pemberita di stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Ampang selepas menaiki keretapi LRT dari stesen Sultan Ismail dekat bangunan Wisma Sime Darby di sini.

Beliau mengulas laporan berita hari ini menyatakan bahawa Presiden Parti Melayu Semangat 46 itu berkata beliau tidak menimbulkan ancaman politik kepada sesiapa dalam UMNO apabila menyertai parti itu selepas S46 dibubarkan secara rasmi.

Razaleigh juga berkata beliau menyertai UMNO sebagai anggota biasa tanpa mengharapkan kedudukan dan berbuat demikian demi perpaduan Melayu.

Mengenai kedudukan Razaleigh dalam UMNO apabila beliau menyertai semula parti, Dr Mahathir berkata: "Terpulanglah kepada anggota-anggota UMNO, jika anggota hendak memilih dia, pilihlah." -- BERNAMA

AFY FAZ